

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menafikan ada warga asing terkandas atau diminta berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebaliknya mereka menunggu giliran bagi membayar kompaun.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie berkata, warga asing itu juga dalam proses mendapatkan Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo*) sebelum dibenar meninggalkan Malaysia kerana kesalahan tinggal lebih masa.

JIM NAFI WARGA ASING TERKANDAS DI KLIA

'Mereka tunggu giliran bayar kompaun'

"JIM merujuk kepada laporan berita beberapa akhbar tempatan berkenaan sambutan luar biasa Program Rekalibrasi Pulang Pati (pendatang asing tanpa izin) di KLIA.

"Laporan turut menyatakan ada ramai Pati terkandas dan terle-

pas penerbangan di kaunter imigresen kerana proses kerja mengambil masa.

"Semua warga asing itu tidak terperangkap atau diminta berkumpul di KLIA sebaliknya mereka menung-

gu giliran membayar kompaun RM500 dan mendapatkan Memo Periksa Keluar," katanya.

Menurutnya, sambutan ke atas program rekalibrasi pulang sangat menggalakkan iaitu setakat semalam, seramai 101,691 Pati berdaftar dan 83,117 daripada jumlah itu sudah meninggalkan negara.

"Bagi kaunter khas di KLIA, mulai 5 hingga 20

Julai, 3,483 Pati pulang melalui perkhidmatan kaunter ini.

"Jumlah Pati datang ke KLIA di luar jangkaan dan melebihi kapasiti ruang menunggu disediakan di tingkat tiga KLIA.

"Selain itu, kita mengesan dalam kalangan mereka terlepas penerbangan kerana datang lewat, tetapi terus kekal berada di KLIA untuk menunggu giliran

dan penerbangan seterusnya," katanya.

Khairul Dzaimie berkata, JIM sudah mengambil langkah segera bagi mempercepat dan melancarkan urusan pulang Pati melalui Kaunter Khas di KLIA.

"Antaranya ialah JIM berunding dengan pihak pengurusan KLIA untuk penambahan kaunter dan lokasi menunggu giliran yang lebih sesuai serta meluaskan operasi kaunter Rekalibrasi Pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2)," katanya.

